

TEKS UCAPAN**BRIG. JENERAL DATO' PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN****NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS****SEMPENA****MAJLIS ANUGERAH SERI GEMILANG UniMAP****PADA 14 APRIL 2011, DI DEWAN 2020, KANGAR PERLIS**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam Satu Malaysia.

Mengadap Raja Muda Perlis Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor UniMAP serta Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun,

Terlebih dahulu, patik bagi seluruh warga Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar duli berangkat ke Majlis Anugerah Seri Gemilang UniMAP pada malam ini.

Alhamdulillah, buat kesekian kalinya, Patik mewakil warga UniMAP sekalian menjunjung kasih atas perkenan Duli Tuanku Berdua untuk terus menjadi saksi kegembilangan warga UniMAP. Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku pada malam ini amat besar ertinya buat kami semua di universiti ini.

Ampun Tuanku,

Izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

Yang Amat Berhormat, Datuk Seri Dr. Mad Isa Sabu, Menteri Besar Perlis dan Yg Bhg. Datin Seri,

Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri serta Ahli-ahli Yang Berhormat serta isteri,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Akademik dan Antarabangsa),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Penyelidikan dan Inovasi),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti

Barisan Dif-Dif Kehormat, Dekan - Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP

Wakil-Wakil Media, seterusnya warga Universiti Malaysia Perlis yang diraikan sekalian.

Wan Aun (Selamat Malam), Malai Vanakkam (Selamat Malam), Magandang Gabi (Tagalog)

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama bersyukur kehadrat Allah Subhanahuwataala kerana hanya dengan limpah kurnia dan inayah-Nya kita dapat bersama-sama pada malam ini dalam Majlis Anugerah Seri Gemilang bagi tahun khusus untuk mengiktiraf kegemilangan staf untuk tahun 2010 yang lalu.

Marilah kita bersama-sama juga berdoa agar Allah Subhanahuwataala memberkati usaha kita ini dan melindungi kita semua daripada apa juar kesulitan dan kekurangan.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan jutaan tahniah dan penghargaan buat barisan jawatankuasa pelaksana yang bersengkang mata dalam memastikan kelancaran majlis pada malam ini. Sesungguhnya majlis ini dianjurkan khusus untuk kakitangan UniMAP yang saya sayangi.

Inilah ganjaran dan pengiktirafan untuk anda berkat usaha gigih dan komitmen jitu yang anda tunjukkan sepanjang tahun 2010 lalu.

Dikesempatan ini juga, ucapan terima kasih turut dititipkan buat semua dif-dif kehormat dari pelbagai jabatan dan institusi pendidikan di Negeri Perlis ini kerana sudi meluangkan masa dan melapangkan diri untuk memeriahkan lagi majlis kami pada malam ini.

Hadirin-dan hadirat sekalian,

Majlis ini diadakan bagi menghargai sumbangan dan komitmen warga UniMAP yang berterusan serta telah menunjukkan prestasi cemerlang bagi tahun berkenaan. Anugerah ini diadakan pada setiap tahun dan merupakan satu tradisi bukan sahaja di UniMAP malah dalam Perkhidmatan Awam dan sewajarnya diteruskan kerana ia adalah satu tradisi yang sangat baik.

Penyampaian anugerah ini merupakan satu pengiktirafan kepada warga UniMAP atas komitmen anda dalam memastikan semua tanggungjawab yang diamanahkan, dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Ia juga bertujuan untuk memberi perkhidmatan cemerlang serta mendorong penjawat awam yang lain untuk meningkatkan prestasi masing-masing.

Setiap penerima anugerah pada malam ini telah dinilai keseluruhannya dalam pelbagai aspek. Antaranya adalah mutu kerja yang dihasilkan, pengetahuan dan kemahiran serta kualiti peribadi masing-masing. Mereka yang dapat menghasilkan kerja pada tahap cemerlang dari segi kuantiti dan kualiti serta dilengkapi dengan kepantasan dan kejituhan, seiring dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sangat tinggi, di samping berbudi pekerti mulia, dedikasi dan komited terhadap tugas sudah pasti terpilih untuk menerima anugerah tersebut.

Selain itu, pengiktirafan turut diberikan kepada staf yang cemerlang dalam bidang sukan dan penyelidikan.

**Terang bulan di hujung layar,
Cahayanya menyuluh terang di Tanjung,
Berkhidmat tidak minta dibayar,
Berjuang tidak minta disanjung.**

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pada hari ini, tiada lagi istilah tanpa bayaran, tidak perlu dibayar dalam melakukan pekerjaan. Setiap apa juga yang kita lakukan pasti ada uftinya ada upahnya. Di peringkat tertinggi kerajaan sendiripun menerima ufti dan gaji apatah lagi kita.

Namun, gaji dan ufti yang diterima itu ada ruang balasannya, ada lopak-lopak yang harus dikambus dalam perjuangankita memartabatkan perkhidmatan. Dan hal ini lah juga yang membawa kita kepada kecemerlangan dan kemuncak perkhidmatan kita.

Tentu sekali saya bangga dengan pencapaian yang anda semua raih dalam memartabatkan nama UniMAP. Bangga lantaran khidmat cemerlang saudara-saudari yang akan diterima sebentar lagi. Tetapi lebih dari itu, apa yang paling sukar untuk seseorang yang telah mencapai tahap perkhidmatan cemerlang seperti ini ialah untuk menyenggara tahap pencapaian itu atau *to mantain the attainment*. Ini bukan mudah dan pastinya banyak liku harus dilalui selepas ini.

Setiap kali kita menerima ufti, upahan dan juga ganjaran dari kerajaan kita ada tugas yang perlu diselesaikan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sepanjang tahun lalu, UniMAP telah meraih pelbagai kegemilangan yang bukan sahaja di peringkat tempatan malah telah berkembang biak ke peringkat antarabangsa, Alhamdulillah, syukur saya ke hadhrat Allah kerana usaha gigih kita selama ini membawaikan kejayaan yang bukan sedikit.

KECEMERLANGAN SUKAN :

UniMAP mencatatkan pelbagai kejayaan yang membanggakan sepanjang tahun lalu, dan kejayaan paling besar pastinya apabila pihak Kementerian Pengajian Tinggi memilih UniMAP sebagai Pusat Sukan Tumpuan Tenis dan pengiktirafan ini memerlukan komitmen jitu Pusat Sukan UniMAP di bawah pentadbiran En Afizal Abu Othman untuk menjayakan pelbagai aktiviti dan program yang berkenaan.

Pasukan bola sepak UniMAP pula unggul dalam meraih Piala Agong yakni pertandingan yang menemukan juara Piala Emas Raja-Raja bagi tahun 2009 dan 2008 sebelum memulakan saingan tahun 2010. Meskipun kita gagal untuk mempertahankan Piala Emas pada tahun lalu, namun saya percaya ianya pasti akan kembali ke Perlis pada tahun ini. Insya Allah.

Kegemilangan sukan juga ditonjolkan oleh staf UniMAP melalui Kejohanan Sukan Kakitangan Universiti-universiti Malaysia (SUKUM) yang berlangsung di Pulau Pinang selepas berjaya mempertahankan status juara keseluruhan untuk tiga tahun berturut-turut.

KEGEMILANGAN PENYELIDIKAN :

Aktiviti penyelidikan di UniMAP telah dimulakan sejak tahun 2003 yang lalu. Perkembangannya sangat jelas dari tahun ke tahun. Bermula dengan jumlah penrimaan geran sekitar 200 ribu, kini jumlah itu telah meningkat dengan ketara sehingga mencecah lebih RM32 juta. Bagi tahun 2010 sahaja, para penyelidik UniMAP telah berjaya memperolehi RM 7,120,440.00 melalui 222 buah penyelidikan dari pelbagai sumber dana. Kebanyakannya adalah dari geran 'Fundamental Research Grant Scheme' dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Lebih membanggakan, UniMAP turut memperoleh geran antarabangsa iaitu daripada King Abdul Aziz Science and Technology bernilai RM1.5 juta bagi menjalankan penyelidikan Development of Green Polymeric Concrete. Perolehan geran antarabangsa itu menjadikan UniMAP universiti kedua di Malaysia yang menerima geran antarabangsa tertinggi.

UniMAP juga pada tahun lalu, telah berjaya memperoleh pengiktirafan MS 1722:2005, selain turut berbangga dengan pencapaian lebih 570 artikel penyelidikan UniMAP tersenarai di data scopus.

Dalam memperkuatkan aspek penyelidikan juga, UniMAP telah menubuhkan kluster-kluster penyelidikan berdasarkan 8 niche area UniMAP.

Dalam pertandingan dan pameran di peringkat tempatan dan antarabangsa, penyelidik-penyelidik UniMAP telah meraih kejayaan yang cukup membanggakan kita.

Pada pertandingan MTE (Malaysia Technology Expo) UniMAP menghantar 20 penyertaan dan daripada jumlah itu 17 penyertaan berjaya membawa pulang kemenangan iaitu 1 emas, 7 perak dan 9 gangsa.

Pada pertandingan International, Invention, Innovatin and Technology Exhibition 2010 di Kuala Lumpur, kumpulan penyelidik UniMAP yang menghantar 6 hasil penyelidikan pulang dengan 100% kejayaan.

Pada British Invention Show (BIS) di United Kingdom, pasukan penyelidik UniMAP sekali lagi pulang dengan kejayaan 100% dan bonus tambahan apabila memenangi dua anugerah khas iaitu Platinum Award dan Double Gold Award. Di Jerman pula, Penyelidik UniMAP yang menyertai International Trade Fair Ideas-Inventions New Products 2010, turut pulang dengan 100% kejayaan melalui 15 penyertaan yang dihantar.

Manakala di Seoul Korea pula, kumpulan penyelidik UniMAP turut pulang dengan kejayaan 100% beserta anugerah khas iaitu WIPO Award. Kejayaan ini diteruskan pada persidangan Bio Malaysia, apabila UniMAP merjaya meraih memperolehi Bio Tech Of The Year Award yang merupakan Pingat Tertinggi di dalam Pameran ini menerusi produk yang bertajuk ‘Automated Intelligent Grading System For Local Fruits Using Vision Infrared E-Nose & Acoustic: Connecting Biology With Technology’ oleh saudara Ammar Zakaria.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pada malam ini juga akan menyaksikan pelancaran e-klinik UniMAP yang mana ianya merupakan satu inovasi baru Klinik Kesihatan UniMAP membangunkan satu sistem maklumat berpangkalan data yang dapat mempercepatkan urusan mendapatkan rawatan di Pusat Kesihatan.

Secara ringkasnya, modul ini dapat memudahkan proses penjanaan laporan berkaitan rawatan mengikut kehendak pengguna. Sebanyak tujuh modul dibangunkan dan pelaksanaannya telah dimulakan sekitar Mei lalu. Namun dengan pelancaran pada malam ini, kita mengharapkan agar pelaksanaan inovasi ini mampu dikembangkan ke peringkat luar.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Hidup ini adalah perlumbaan, dalam kita meniti hari hari yang mendatang, kita sentiasa berdepan dengan perlumbaan - dalam pertaruhan kita berlumba, dalam berkhidmat jua kita berlumba dan dalam mencapai sesuatu, kita juga berlumba.

Kadangkala kita berasa bahawa keadaan dalam perkhidmatan kita itu sudah cukup baik atau pun tidak perlu lagi kita tingkatkan, dan ini adalah pendirian yang tidak positif. Hari ini seharusnya lebih baik dari semalam, besok lebih baik pada hari ini, bulan depan tentu lebih cemerlang dan tahun depan lebih baik pada bulan ini.

Perkara ini harus kita tanamkan dalam diri kita. Semoga kejayaan UniMAP akan terus dimartabatkan di masa-masa akan datang. Akhir kata saya mengucapkan syabas dan tahniah sekali lagi kepada penerima pada tahun ini. Bagi pegawai dan kakitangan yang tidak terpilih, berusahalah dengan lebih gigih untuk memastikan tahun hadapan giliran anda pula.

Ampuan tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili anggota jawatankuasa pengajur dan seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak

terhingga kepada ke bawah Duli Tuanku berdua kerana sudi bercemar Duli berangkat ke Majlis Anugerah Seri Gemilang UniMAP 2010 ini.

Patik sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.